

 <p><b>Perpustakaan Sultanah Bahiyah</b> Universiti Utara Malaysia</p>	Diluluskan oleh	:	JKPI Ke-96 Bil 02/2025 (26 Mac 2025)
	Tarikh kuat kuasa	:	1 April 2025
	No. Semakan	:	00

## **GARIS PANDUAN SKIM INSENTIF PENERBITAN (SIP) ARTIKEL JURNAL, BUKU DAN BAB DALAM BUKU**

### **1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Skim Insentif Penerbitan (SIP) Artikel Jurnal, Buku dan Bab dalam Buku telah mula dilaksanakan pada tahun 2013.
- 1.2 Skim ini telah ditambahbaik dari masa ke semasa untuk memastikan pelaksanaan insentif ini lebih efektif dan kompetitif selari dengan agenda Universiti.
- 1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Ke-305 Bil 10/2023 telah meluluskan penambahbaikan SIP Artikel Jurnal, Buku dan Bab dalam Buku.
- 1.4 Bagi memastikan pelaksanaan insentif ini dengan lebih efektif, maka garis panduan ini akan sentiasa diperkemaskan dan diselaraskan mengikut keperluan MyRA dan HiCOE.

### **2.0 SYARAT PERMOHONAN**

#### **2.1 Artikel Jurnal**

- 2.1.1 Permohonan adalah dibuka kepada semua staf akademik UUM (tetap dan kontrak).
- 2.1.2 Artikel jurnal juga mesti dalam bidang kepakaran pemohon.
- 2.1.3 Pemohon mestilah merupakan *corresponding author* atau penulis utama bagi artikel jurnal tersebut.
- 2.1.4 Artikel jurnal yang mempunyai afiliasi "Universiti Utara Malaysia" sahaja yang layak untuk memohon insentif.

- 2.1.5 Bagi artikel jurnal Scopus ianya mestilah diindeks oleh pangkalan data Scopus. Manakala bagi artikel jurnal Web of Science (WoS) ianya mestilah diindeks oleh KEDUA-DUA pangkalan data iaitu WoS™ Core Collection (kecuali ESCI) dan Scopus.
- 2.1.6 Permohonan skim ini tertakluk kepada hasil penerbitan yang diterbitkan pada tahun sebelumnya.
- 2.1.7 Hanya staf akademik yang melepasi KPI penerbitan individu sahaja boleh memohon insentif ini (Rujuk syarat penerbitan yang diterbitkan oleh Jabatan Sumber Manusia).

Sebagai contoh, penerbitan artikel dan KPI penerbitan individu pada tahun 2024 layak diambil kira bagi permohonan skim insentif tahun 2025

<b>Artikel Diterbitkan</b>	<b>KPI Penerbitan Individu</b>	<b>Permohonan SIP</b>
Sepanjang tahun 2024	Tahun 2024	Sepanjang Tahun 2025

- 2.1.8 Kadar pembayaran insentif dan kategori penerbitan adalah seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Quartile (Q)</b>	<b>Kadar Insentif (RM)</b>
Scopus	Q1	1,250
	Q2	1,000
	Q3	750
WoS & Scopus	Q1	2,500
	Q2	2,000
	Q3	1,000
WoS <i>Emerging Source Citation Index</i> (ESCI)	Tidak diambil kira	

Jadual 1: Kadar pembayaran insentif mengikut kategori

## 2.2 Buku dan Bab dalam Buku

- 2.2.1 Permohonan adalah dibuka kepada semua staf akademik UUM (tetap dan kontrak).
- 2.2.2 Hanya buku hasil penyelidikan dan bab dalam buku penyelidikan sahaja layak dimohon.
- 2.2.3 Syarat Buku Hasil Penyelidikan dan Bab Dalam Buku Hasil Penyelidikan adalah:
- i) Buku mesti edisi pertama.
  - ii) Buku mesti ada pewasit sebelum diterbitkan.

iii) Bagi kategori bab dalam buku, hanya EMPAT (4) bab sahaja yang diambil kira untuk pembayaran insentif.

iv) Buku terbitan secara cetakan segera (*fast print*) TIDAK diterima.

2.2.4 Buku mesti diterbitkan oleh senarai penerbit antarabangsa dan kebangsaan (MAPIM) yang diperakui (Rujuk laman web Perpustakaan Sultanah Bahiyah di <https://library.uum.edu.my>. Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa).

2.2.5 Kadar pembayaran insentif adalah seperti berikut:

Kategori	Kadar Insentif (RM)
Buku Karya Asli Hasil Penyelidikan (Penerbit oleh UUM Press)	2,000
Buku Karya Asli Hasil Penyelidikan (MAPIM (selain UUM Press) / Penerbit Antarabangsa)	1,000
Bab dlm Buku Hasil Penyelidikan(UUM Press)	$\frac{2000}{\text{Jumlah bab dalam buku}} \times \text{Bil. bab yang ditulis}$
Bab dlm Buku Hasil Penyelidikan (MAPIM (selain UUM Press)/ Penerbit Antarabangsa)	$\frac{1000}{\text{Jumlah bab dalam buku}} \times \text{Bil. bab yang ditulis}$
Penyunting Buku Karya Suntingan(bab dlm buku)	500

Jadual 2: Kadar pembayaran insentif mengikut kategori

2.2.6 Sekiranya penulis lebih dari DUA (2) orang penulis, kaedah pembahagian sila rujuk perkara 5.2.

### 3.0 SYARAT UMUM

- 3.1 Setiap penerbitan staf UUM wajib direkodkan di dalam *University Publication System (UPS)* oleh penulis utama (*corresponding author/first UUM author*) sebelum permohonan insentif dibuat. Pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah tidak akan memproses permohonan insentif penerbitan penyelidik sekiranya mereka gagal berbuat demikian.
- 3.2 Pemohon hanya boleh memohon satu skim insentif penerbitan universiti sahaja (samada SIP-Skim Insentif Penerbitan atau SPYPJ - Skim Pembiayaan Yuran Penerbitan Jurnal) untuk artikel yang sama.
- 3.3 Jumlah maksimum SIP dan SPYPJ adalah sebanyak RM8,000.00 setahun untuk setiap pemohon.
- 3.4 Setiap permohonan hendaklah menggunakan borang yang berasingan.

Sebagai contoh, sekiranya pemohon mengemukakan permohonan untuk skim insentif bagi penerbitan artikel dan bab dalam buku, maka pemohon berkenaan perlu menghantar dua (2) borang permohonan bagi tujuan tersebut.

- 3.5 Pemohon yang bakal bersara digalakkan agar merancang tarikh serahan permohonan dan memastikan permohonan dapat dibawa untuk kelulusan dalam Jawatankuasa Skim Insentif Penerbitan sebelum tarikh persaraan.

Bayaran insentif akan dibuat selepas mendapat kelulusan dalam mesyuarat Jawatankuasa Skim Insentif Penerbitan.

### 4.0 KELULUSAN PEMBAYARAN

- 4.1 Semakan dan pengesahan penerbitan dari pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah menggunakan *quartile* semasa sebagai dasar pembayaran insentif bagi penerbitan UUM yang diindeks di *Web of Science (WoS)* dan *Scopus*. Jika artikel mempunyai disiplin kategori *quartile* berbeza, *quartile* yang tertinggi akan dipilih.
- 4.2 Artikel yang diterbitkan mesti bersesuaian dengan bidang kepakaran penulis.
- 4.3 Pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah perlu memastikan artikel yang diterbitkan dan diindeks dalam *WoS* haruslah merujuk kepada laporan tahunan *Journal Citation Report (JCR)* terkini.

- 4.4 Pembayaran insentif bagi WoS/Scopus akan diproses setelah artikel berkenaan telah diindeks serta disahkan oleh pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah,UUM.
- 4.5 Bagi penerbitan Buku dan Bab dalam Buku semakan dan pengesahan penerbitan dari pihak UUM Press.
- 4.6 Pembayaran insentif akan dibuat berdasarkan artikel yang telah diindeks serta telah disahkan oleh Jawatankuasa Penilaian Skim Insentif Penerbitan.

## **5.0 KAEDAH PEMBAYARAN**

- 5.1 Pembayaran akan dikreditkan oleh pihak Jabatan Bendahari ke akaun pemohon. (*Rujuk Pekeliling Bendahari Bil. 6/2024*)
- 5.2 Bagi penerbitan yang ditulis secara bersama di mana kumpulan penulis adalah dalam kalangan staf UUM, maka pembayaran insentif akan dibuat kepada pemohon dan akan dibahagikan berdasarkan persetujuan bersama kumpulan penulis tersebut. Pembahagian insentif adalah di luar bidang kuasa Perpustakaan Sultanah Bahiyah.

## **6.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

- 6.1 Tarikh pembukaan/penutupan skim insentif penerbitan akan dimaklumkan oleh pihak perpustakaan melalui laman sesawang Perpustakaan Sultanah Bahiyah.
- 6.2 Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Perpustakaan Sultanah Bahiyah (*library.uum.edu.my/scholarly-communication*)
- 6.3 Pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan dan mengemukakan bukti penerbitan seperti berikut:
  - 6.3.1 Artikel jurnal : salinan muka hadapan penerbitan dan helaian yang mengandungi maklumat seperti pengarang, afiliasi, tajuk penerbitan, tahun, nama universiti, nama penerbit dan penghargaan (*acknowledgement*).
  - 6.3.2 Buku/bab dalam buku : muka surat yang menunjukkan maklumat seperti tajuk, penulis, penerbit, tahun diterbitkan, muka hadapan, isi kandungan, pra-kata, ISBN, hak cipta dan muka surat

## **7.0 ALIRAN PERMOHONAN**

7.1 Proses permohonan Skim Insentif Penerbitan adalah seperti di bawah:

- 7.1.1 Pemohon hendaklah melengkapkan maklumat pada borang permohonan
- 7.1.2 Pemohonan perlu mendapatkan perakuan dari Dekan Pusat Pengajian
- 7.1.3 Pihak Perpustakaan menerima permohonan SIP dan kenalpasti jenis penerbitan.
- 7.1.4 Jika penerbitan merupakan Buku dan Bab dalam Buku, semakan dan pengesahan dilakukan oleh UUM Press
- 7.1.5 Jika penerbitan merupakan Artikel Jurnal semakan dan pengesahan dilakukan oleh Perpustakaan Sultanah Bahiyah
- 7.1.6 Jawatankuasa Penilai Skim Insentif Penerbitan akan akan membuat penilaian
- 7.1.7 Permohonan yang diluluskan akan diserahkan kepada Bendahari untuk proses pembayaran

## **8.0 TARIKH KUATKUASA**

1 April 2025

## **9.0 PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Perpustakaan Sultanah Bahiyah di talian 04-928 3644/3645/3646